

## BAB ENAM

# PERANAN JEPUN DI PERINGKAT ANTARABANGSA, BUKTI PENGARUH GLOBALISASI TERHADAP PERADABAN JEPUN

### 6.1 Pengenalan

Dunia sedang menghadapi perubahan bentuk masyarakat perindustrian dan sistem pengurusan dunia, dan saling pergantungan yang kian erat sedang terus menerus berlaku dengan pesat akibat globalisasi. Setelah mengalami pertumbuhan yang pesat selepas perang, Jepun telah memperluaskan pengaruhnya yang amat besar di seluruh dunia. Jepun telah mencari jalan baru dalam mempererat dan memperbaiki hubungannya dengan masyarakat antarabangsa.<sup>1</sup>

Lebih-lebih lagi kebudayaan dan pandangan dunia orang Jepun sering salah difahami. Misalannya bagi orang yang pertama kali datang ke Jepun, pasti akan dapat melihat kontras di dalam nilai kehidupan masyarakatnya. Ini kerana secara dasarnya, Jepun merupakan sebuah negara yang moden dengan pembangunan infranstruktur yang baik dan rakyatnya pula sentiasa mengikuti perkembangan teknologi serta fesyen antarabangsa yang terkini. Akan tetapi apabila kita mendekati dan mengenali mereka secara lebih dekat, kita akan mendapat gambaran yang berbeza dari apa yang kita lihat.

<sup>1</sup> Nakarya Taichi, (terj : Anititi Bey, *Bagaimana Jepun Menghadapi Zaman Sukar*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya,1998), hlm 15

Ini kerana mereka masih mengekalkan cara hidup dan kebudayaan lama seperti kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap majikan tempat mereka bekerja, kepatuhan wanita terhadap suami walau tinggi mana sekalipun mereka di bidang ilmu pengetahuan. Begitu juga para pelajarnya dikehendaki menghormati akan tradisi mereka yang telah dibina berkurun lamanya. Inilah yang membuatkan peradaban Jepun begitu unik.

Untuk itu Jepun berusaha belajar mengantarabangsakan dirinya dengan memahami berbagai-bagai negara dan budaya di dunia ini dan seterusnya untuk membolehkan negara-negara lain memahami pemikiran dan budaya mereka. Sebagai satu peradaban yang suka mengadaptasi peradaban lain dalam memperkembang dan memantapkan peradabannya sendiri membolehkan Jepun dijadikan contoh yang terbaik apabila memperkatakan tentang globalisasi. Ini jelas dapat dilihat pada tahap pemodenan Jepun semasa zaman pembaharuan Meiji (1868-1912) yang telah menyaksikan Jepun memodenkan negaranya dan mencapai taraf sama dengan kuasa Barat dalam tempoh yang mengagumkan.

Selari dengan kemajuan yang dicapai, dalam bab 6 ini akan menerangkan peranan yang dimainkan oleh Jepun di peringkat antarabangsa, sama ada sebagai pemimpin, *role model* maupun penyumbang kepada kesejahteraan dan keamanan dunia. Di sini juga cuba ditekankan pengaruh globalisasi yang telah berjaya memantapkan peradaban Jepun sehingga menonjolkannya sebagai sebuah negara yang disegani dunia.

## 6.2 Peranan Sebagai Pemimpin Dan *Role Model*

Selepas kekalahan dalam Perang Dunia Kedua, ekonomi dan juga keadaan infranstruktur dalam negara Jepun agak mundur begitu juga dari segi teknologinya yang tidak begitu maju, namun Jepun bangkit semula dengan begitu cepat, ini kerana dalam beberapa tahun sahaja Jepun muncul sebagai sebuah negara yang berkedudukan sangat penting dari segi ekonomi. Bukan itu sahaja malah telah menjadi pemimpin dan juga *role model* kepada Asia dan juga dunia.

Jepun adalah satu-satunya negara Asia yang begitu kukuh ekonominya sehingga kata-katanya sering diikut oleh negara lain termasuk Barat yang turut menerima pandangan mereka terhadap sesuatu perkara. Di Asia, apa jua aktiviti yang berlaku dalam ekonomi atau pasaran saham Jepun akan turut dirasai atau memberi kesan kepada seluruh Asia. Ini membuktikan mereka telah memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan ekonomi Asia pada tahun-tahun selepas perang tanpa mementingkan diri sendiri.

Begitu juga dari segi psikologi yang mana telah memberi semangat dan kepercayaan bahawa orang Asia boleh mencapai kejayaan setaraf Barat malah boleh juga mengalahkan mereka jika mempunyai iltizam dan usaha yang kuat untuk mengubah bangsa sendiri. Buktinya Jepun yang telah berjaya mengeluarkan produk yang canggih dan bermutu tinggi untuk pasaran antarabangsa. Dan banyak

syarikat-syarikat gergasi Barat yang akur dengan kehebatan Jepun, mahu mempelajari darinya.<sup>2</sup>

Salah satu perkara yang sering ingin dipelajari oleh negara lain termasuk Malaysia ialah etika kerja orang Jepun. Etika kerja mereka yang begitu mempengaruhi cara kerja pemimpin dan pekerja di beberapa buah negara Asia seperti Malaysia yang mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur pada awal tahun 1980an untuk mempelajari unsur-unsur dalam pengamalan pengurusan dan perniagaan Jepun berbanding mencontohi atau melihat ke Barat untuk dijadikan contoh atau hala tuju pentadbiran dan pengurusan negara.<sup>3</sup> Etika kerja orang Jepun berasaskan kerja kuat membolehkan pekerja mereka berusaha lebih keras malah membuat pengorbanan peribadi yang menyaksikan mereka selalunya berjaya bersaing dalam permainan ekonomi global yang amat sengit itu.(**Jadual 1**)

Pekerja Jepun juga amat berdedikasi kepada kualiti dan keupayaan menghantar barang pada tarikh yang ditetapkan. Bukan itu sahaja malah amalan demokrasi yang wujud dalam organisasi Jepun juga amat menarik yang mana perbezaan status di antara eksekutif dan pekerja jarang sekali ditekankan. Misalannya mereka memakai uniform yang sama dan para eksekutif menghabiskan banyak masa bersama staf bawahan malah turun padang melihat kakitangannya bekerja dan tidak hanya duduk di pejabat sahaja.

<sup>2</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan Senula Asia*,(Kuala Lumpur:Pelanduk Publication,1999), hlm.50-52

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm.52

Dan sebarang keputusan yang dibuat akan dipatuhi maka ini melahirkan satu suasana komitmen setiap individu atau pekerja. Paling penting jarang berlaku konflik antara kesatuan pekerja dengan syarikat atau majikan mereka.<sup>4</sup> Kestabilan yang diperolehi akan mengembangkan dan memantapkan lagi syarikat mereka bekerja dan secara tidak langsung hasil syarikat yang diperolehi akan turut dirasai oleh mereka. Oleh sebab itu, pekerja Jepun begitu setia kepada syarikat atau organisasi mereka bekerja. Bak kata pepatah hidup atau mati mereka adalah bersama.

Satu lagi perkara yang boleh dijadikan *role model* ialah cara Jepun mewujudkan sektor pengeluaran negaranya yang tidak mempunyai sumber semulajadi menerusi persyarikatan Jepun atau *Japan Incorporated*.<sup>5</sup> Strategi pemasaran Jepun yang cukup berjaya di pasaran antarabangsa sangat menarik yang mana syarikat perdagangan Jepun, *sogosisha* telah membuka pasaran secara besar-besaran untuk mempromosikan barang Jepun ketika di peringkat awal perkembangan perdagangan Jepun di peringkat antarabangsa. Konsep yang lahir daripada usaha ini telah membantu menyatupadukan tenaga pekerja Jepun. Senario sedemikian yang ingin dicontohi oleh banyak negara.

4 *Ibid*, hlm. 53

5 Peter Tasker, *Inside Japan: Wealth, Work and Power In The New Japanese Empire* (London Sidgwick & Jackson, 1987), hlm. 36-37

## **Peranan Jepun di peringkat Antarabangsa**

Jepun muncul sebagai ahli masyarakat antarabangsa berikutan daripada pembaharuan Meiji pada ketika itu. Dalam kesungguhan mereka berjuang unuk hidup dan membangun seiring dengan Barat, Jepun muncul sebagai salah satu kuasa yang mengejutkan dunia dengan kemenangan mereka ke atas Russia dalam peperangan Jepun –Russia pada tahun 1905.

Jepun melebarkan lagi ruang diplomatiknya termasuklah dalam Liga Bangsa. Bagaimanapun sejarah telah membuktikan kesilapan polisi mereka yang membawa negara tersebut meneruskan pembangunan dan kemajuannya menerusi pengluasan yang mendadak ke negara-negara serantau dan beralih kepada penggunaan kuasa ketenteraan untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Akibatnya Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua dan sekaligus belajar dari kesilapan yang telah mereka lakukan.

Oleh sebab itu, pembinaan semula Jepun daripada kemusnahan berikutan daripada peperangan Pasifik adalah berdasarkan kesan daripada polisinya. Jepun tidak lagi menggunakan kekerasan atau ketenteraan dalam menyelesaikan konflik antarabangsanya dan bercadang mencapai kedamaian dunia dan kestabilan menerusi usaha diplomasi dengan menekankan kefungsian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ketika ia memantapkan keselamatan negara dan kestabilan persekitaran antarabangsa menerusi ukuran ini, Jepun mengutamakan pencapaian dan peningkatan ekonomi dalam prinsip pasaran ekonomi mereka. Dari segi politik, Jepun telah mengamalkan demokrasi sebagai prinsip fundamentalnya. Hasilnya, Jepun memiliki pertumbuhan ekonomi yang sungguh mengagumkan dan menjadi kuasa ekonomi kedua di dunia.

Secara keseluruhannya Jepun dengan kekuatan ekonomi dan teknologinya telah memainkan peranan yang aktif di pelbagai bidang termasuk pembangunan, bantuan kewangan, yang mana menerusnya Jepun memperolehi reputasi dan kepercayaan masyarakat antarabangsa (**Jadual 3**). Pengaruh Jepun di segi politik antarabangsa juga turut dikenali, misalannya di peringkat PBB.

Salah satu contoh menunjukkan penglibatan Jepun di peringkat antarabangsa adalah menerusi Konferensi yang ditajanya pada 9 dan 10 Jun 2003 bagi membincangkan baik pulih dan pembangunan semula Sri Lanka. Konferensi tersebut dihadiri oleh 51 buah negara dan 22 buah organisasi antarabangsa.<sup>6</sup>

<sup>6</sup> Masaaki Yamada, Peace Conference Held in Tokyo, *Asia Pacific: Japan Perspectives*, June 2003, Vol.1, No.2, hlm. 34-45

Jepun adalah penderma utama dan berjanji untuk menyambung bantuan sehingga US1 billion untuk 3 tahun akan datang. Dan sudah menjadi dasar Jepun untuk memberi bantuan kepada negara-negara berkonflik setelah keamanan atau kedamaihan telah dicapai. Mereka juga sedar keselamatan dan kemakmuran Jepun tidak boleh dicapai tanpa kesimbangan atau kestabilan dan kemakmuran masyarakat antarabangsa.

Lebih-lebih lagi, globalisasi yang hebat diperkatakan kini membentuk corak atau ombak yang lebih besar pada abad 21. Selain itu kebergantungan antara negara juga sentiasa bertambah. Maka jalan bagi Jepun untuk menyelamatkan kepentingan kebangsaan adalah dengan membangunkan dan mengembangkan pemikiran dan perlakuan sebagai pencatur dunia dalam mengejar kestabilan dan keamanan masyarakat antarabangsa.<sup>7</sup>

Kesungguhan Jepun sebagai salah satu pencorak atau pencatur dunia adalah menerusi wawasannya. Berdasarkan sejarah di abad lalu, kita lihat dua perang besar iaitu Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Selain itu abad 20 juga dikenali sebagai “abad pembangunan” dan juga “abad pengajaran”. Sehubungan itu, mereka mengambil pengajaran dan menjadikan abad seterusnya iaitu abad 21 sebagai “abad yang penuh harapan”.

<sup>7</sup> Yamada Murakami, Yutaka Koyan (terj. Arifin Bey, *Jepun Dalam Komuniti Sejagat:Peranan dan Sumbangan Pada Abad ke-21*, Jakarta: Yayasan Penataran Ilmu, 1988), hlm. 67

Wawasan yang disampaikan oleh Perdana Menteri Jepun ketika itu iaitu Ryutaro Hashimoto pada perhimpunan Agong PBB tahun 1996, secara amnya adalah merupakan harapan masyarakat Jepun terhadap dunia antarabangsa. Antara lain yang disebut ialah:

*"Mewujudkan dunia yang lebih baik untuk generasi akan datang dan bekerja ke arah mencapai matlamat tersebut dengan menjadikan dunia lebih stabil, aman dan tempat yang selamat untuk diduduki."*<sup>8</sup>

Dan kata-kata ucapan ini mewakili pandangan masyarakat Jepun secara umumnya terhadap keamanan sejagat. Selain itu, sejarah juga telah membuktikan bahawa kebebasan, demokrasi dan hormat pada hak asas asasi manusia adalah prinsip-prinsip yang telah menggerakkan Jepun selepas Perang Dunia Kedua dari segi pembangunan dan sekarang Jepun secara berleluasa ingin berkongsi pengalaman dengan dunia selepas Perang Dingin, pada tahun 1990.

Mempromosi prinsip-prinsip ini secara meluas tanpa batasan adalah merupakan salah satu cara untuk mempastikan masa depan yang lebih baik. Bantuan pembangunan termasuk mengurangkan kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar juga dapat membantu prinsip-prinsip ini dilaksanakan. Di sini jelas keperluan Jepun mewujudkan atau meningkatkan hubungan saling pergantungan dengan Asia dalam hal keselamatan, politik dan ekonomi.

<sup>8</sup> Masaki Yamada, *op cit* hlm 35

Salah satu contoh yang menunjukkan kesungguhan Jepun untuk mengukuhkan hubungan antara Jepun dan Asia serta negara lain ialah menerusi program Pinjaman Lewangan Pembangunan Rasmi Jepun -*Official Development Assistance* (ODA).<sup>9</sup> Beberapa negara Asia Timur berjaya menggunakan ODA ini sepenuhnya. Misalannya bantuan pinjaman telah diberikan kepada Malaysia dalam memindahkan atau menukarkan peralatan janakuasa tenaga elektrik kepada peralatan yang lebih efisien di stesen janakuasa yang terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Apabila siap sepenuhnya projek ini dijangkakan pengeluaran gas nitrogen dioksida akan dikurangkan sebanyak 60%, nitrogen oksida sebanyak 90% dan sulfur oksida sebanyak 100 %.<sup>10</sup> Selain itu, dalam Jepun mengejar cita-cita dan wawasannya menerusi polisi luar negeri, Jepun sedar negaranya itu perlu menjadi sebuah negara yang berkredibiliti. Sebagaimana yang tercatat di dalam perlumbagaan Jepun, “Kami ingin menjadi sebuah negara atau tempat yang dihormati di dalam masyarakat antarabangsa.”<sup>11</sup>

9. Matlamat ODA ialah meningkatkan infrastruktur industri dan elemen penting dalam ODA ini ialah ia merupakan pinjaman kerajaan yang dibayai sepenuhnya dalam yen. Dalam kriteria ODA ialah, negara yang hendak menerimaanya mesti menunjukkan usaha untuk membantu diri sendiri dan perlu membuat permohonan dan kerajaan Jepun akan menilainya. Ketelusan ekonomi sangat dititikberatkan yang bermaksud bayaran balik akan merangkumi bayaran pokok dan bunga. Tidak dinasikan agak sukar untuk mendapatkan bantuan ODA ini melainkan negara tersebut menunjukkan usaha untuk meningkatkan diri dan menggunakan sepenuhnya kegunaan atau manfaat dari ODA ini.

10. Shin’ichi Okada, Environmental ODA Case Studies, *Asia Pacific : Japan Perspectives*, May 2003, vol. 1 : no. 1, hlm. 28-29.

11. *Ibid*, hlm. 29.

Ini menyerlahkan kredibiliti polisi luar negeri Jepun yang membolehkan mereka mencapai kepentingan negara dan menggerakkan masyarakat antarabangsa bersama-sama idea dalam mendapatkan kestabilan dan keamanan dunia. Usaha dan peranan Jepun di peringkat antarabangsa ini dapat dilihat dalam beberapa aspek, iaitu ekonomi, politik dan sosial.

## 1 Politik: Keselamatan dan Keamanan Dunia

Dasar-dasar Meiji yang membawa perubahan dan modenisasi kepada Jepun. Politik yang mantap serta kesetiaan terhadap negara mampu membangunkan negara yang musnah sama sekali dalam Perang Dunia Kedua. Maharaja Meiji berpendapat untuk mengelak negara berkenaan dari dijajah, Jepun perlu berinteraksi dengan Barat. Walau bagaimanapun Jepun mengenakan beberapa syarat yang tertentu yang mana Jepun hanya mahukan ilmu serta teknologi yang dimiliki oleh Barat sahaja tetapi pada masa yang sama menjaga identitinya. Pemimpinnya berpegang kuat kepada ideologi “*Japanese in spirit, western in technologies*”.<sup>12</sup> Hasilnya Jepun antara lima buah negara Asia yang tidak dijajah. Pengajarannya ialah dasar politiknya yang menekankan kepada keperluan berinteraksi antara bangsa atau dasar berbaik dengan semua negara amat penting tetapi pada masa yang sama identiti sendiri dijaga.

12 Sakaiya Taichi, *op cit*, hlm 60.

Sebenarnya, dari segi politik, Jepun merupakan negara yang mempunyai kuasa mempertahankan diri untuk mempertahankan dirinya sendiri dan dapat menyokong kegiatan penjaminan keselamatan dan kestabilan antarabangsa dengan menggunakan kekuatan ekonominya. Satu daripada dasar asas Jepun selepas Perang Dunia Kedua adalah bahawa ia tidak akan melakukan campurtangan tentera secara langsung di dalam pertelingkahan bersenjata.

Oleh sebab itu, Jepun terus mengekalkan kedudukannya yang berorientasikan pertahanan dan memperbaiki mutu keupayaan pertahanannya selaras dengan keadaan semasa.<sup>13</sup> Bagi negara Jepun adalah sangat penting bagi mereka mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam kegiatan yang mungkin meruncingkan ketegangan antarabangsa.

Sebagai contoh, kegiatan pembesaran angkatan tentera serta persenjataan oleh sesebuah negara seperti Korea Utara dan Amerika. Sebaliknya Jepun membantu menstabilkan politik antarabangsa menerusi kekuatan ekonominya. Antara usaha Jepun adalah memberi sumbangannya untuk mewujudkan perkembangan Utara-Selatan yang stabil menerusi kerjasama dan bantuan ekonomi dan teknik, dan menerusi kaedah tidak langsung yang lain.

<sup>13</sup> Bruce M. Koppell and Robert M. Orr Jr. (ed.), *Japan's Foreign Aid, Power and Policy in a New Era*, (New York: Westview Press, Inc., 1993), hlm. 44.

Soal keamanan antarabangsa dan juga bantuan kemanusiaan adalah antara perkara yang ditekan dan diambil berat oleh kerajaan Jepun dalam usaha untuk mewujudkan dunia yang lebih aman. Antara usahanya adalah membantu *United High Commission for Refugees* (UNCHR) dalam mengatasi masalah konflik pelarian.

Dalam hal ini kerajaan Jepun telah mengenalpasti kepentingan sumbangna positif yang boleh dibuat oleh pelarian-pelarian yang kembali ke negara masing-masing untuk masa depan diri dan juga negara mereka. Dan Jepun menyokong dan memberi bantuan kepada pelarian UNCHR dan juga program membawa pulang pelarian ke negara asal mereka lebih daripada satu dekad yang lalu.

Pengaruh serta kesungguhan Jepun dalam menyelesaikan masalah sejagat cukup dikagumi, malah rakyat Jepun pernah dilantik sebagai Komisioner Bangsa Bersatu untuk pelarian, iaitu Sadako Ogata. Sumbangan Jepun bukan setakat di situ sahaja malah pernah mencadangkan keperluan memperkenalkan sistem bagi menggunakan Tabung Kebajikan untuk Kemanusiaan yang ditubuhkan dalam Bangsa-Bangsa Bersatu oleh negara Jepun sendiri pada tahun 1999.

Jepun memainkan peranan yang penting dalam memberi bantuan kepada pelarian di Afrika yang mana Jepun memberi sumbangan sebanyak 40 billion yen kepada projek UNCHR setiap tahun dan menduduki tangga kedua penyumbang selepas Amerika.<sup>14</sup> Dasar Jepun jelas menunjukkan kuasa tentera yang kuat bukanlah merupakan satu-satunya cara sahaja sesebuah negara itu dapat memberikan sumbangannya terhadap keamanan atau keselamatan dirinya dan keselamatan dunia.

Sebagai contoh, ekonomi yang stabil adalah merupakan unsur keselamatan yang penting bagi sesebuah negara atau rantaunya. Oleh sebab itu Jepun sangat memberi keutamaan kepada dasar yang dapat membantu menstabilkan ekonomi serantau dan ekonomi sejagat, dengan demikian secara tidak langsung turut menyumbangkan sesuatu terhadap keselamatan antarabangsa. Selain itu sebagai salah satu negara Asia, Jepun juga memainkan peranan dalam menjaga keselamatan serantau.

Ini kerana sepanjang beberapa tahun yang lalu, keadaan yang tidak menentu dan tidak rasa puas hati semakin menjadi-jadi di kalangan kelas pertengahan baru di kebanyakan negara-negara Asia. Jika ini berterusan, akan wujud pula perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran dan pemerintahan . Ini akan menjadi ancaman terhadap kestabilan antarabangsa dan serantau.

14 Tadahiro Ohkoshi and Masaki Yamada, The International Symposium on Refugees in Africa, *Asia Pasific: Japan Perspectives*, September 2003, Vol. 1, No. 5, hlm. 24-26

Contohnya di Asia, ketidakstabilan ekonomilah yang pada dasarnya yang selalunya membawa kepada ketidakstabilan sosial dan politik dan seterusnya kepada pertelingkahan ketenteraan.<sup>15</sup> Oleh sebab itu, amat penting bagi Jepun yang mempunyai peranan yang kuat untuk menentukan kestabilan dan kemewahan Asia untuk menumpukan perhatiannya kepada keadaan serantau, termasuklah persengketaan setempat dan seterusnya berusaha untuk mencegah pertelingkahan daripada tercetus. Dalam hal ini, Jepun memberi keutamaan kepada kegiatan kerjasama dan saling pergantungan ekonomi serantau serta menghulurkan bantuan ekonomi dan teknologi dan berusaha membina order Utara-Selatan yang stabil yang akan dapat meningkatkan kestabilan politik antarabangsa.

Pencapaian ASEAN<sup>16</sup>di dalam bidang kerjasama ekonomi serantau dapatlah secara khususnya dijadikan contoh yang berguna. ASEAN bukanlah sebuah pertubuhan yang bertujuan untuk memadukan kekuatan tentera bagi menghadapi kuasa tentera dari luar rantau itu, tetapi merupakan sebuah pertubuhan ekonomi dan perpaduan serantau dan ini telah berjaya mengurangkan pertelingkahan dan permusuhan di rantau tersebut.<sup>17</sup> Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Jepun sudah semestinya menyokong fungsi positif Bangsa-Bangsa Bersatu dan berusaha menyelesaikan persengketaan sejagat atau serantau menerusi pertubuhan antarabangsa.

15 Ibid, hlm 25

16 Ibid, hlm 26

17 *Asia Pasific : Japan Perspectives*, October 2003, Vol.1, No. 6.

Jepun tidak sekadar membayar sebahagian besar perbelanjaan Bangsa Bersatu sahaja tetapi juga menghantar orang berkeupayaan untuk bertugas di bahagian urusetianya dan di agensi-agensi gabungan PBB. Dan Jepun juga melipatgandakan usaha secara membina untuk mewujudkan pengurusan yang baik bagi badan dunia itu dan memperteguh fungsinya. Lebih-lebih lagi pada hari ini orang mempunyai pandangan yang berbeza tentang keberkesanan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti peristiwa serangan ke atas Iraq dan Afghanistan yang tidak mendapat restu daripada negara-negara anggota PBB sendiri. Dengan kata lain . Jepun berperanan untuk mengimbangi kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh sesebuah negara dengan menggunakan kekuatan ekonomi dan juga bantuan kewangan.

## 2 Ekonomi

Teknologi adalah sumber ekonomi Jepun yang utama, pelbagai peralatan dan juga mesin yang dihasilkan adalah berdasarkan teknologi Jepun yang terkini . Kini sudah banyak negara yang meniru teknologi Jepun termasuklah negara-negara Barat. Teknologi yang dimiliki disalurkan ke negara-negara yang mempunyai upah buruh yang rendah seperti di Asia Tenggara. Pelaburan Jepun di negara berkenaan banyak membantu ekonomi mereka untuk turut sama memasuki pasaran antarabangsa, secara tidak langsung menggunapakai secara bijak hasil sumber negara berkenaan untuk tujuan pembangunan.

Dengan kata lain, jika Jepun tidak berjaya dalam perindustrian, adalah satu yang mustahil bagi Asia keseluruhannya untuk mempelajari atau merasai kemewahan yang dimiliki hari ini. Tambahan, tidak dinafikan penglibatan syarikat Jepun dalam memantapkan ekonomi Asia Timur.<sup>18</sup> Selain itu, industri pembuatan barang permainan dan penghasilan filem animasi serta hiburan begitu mendapat tempat di seluruh dunia. Siapa yang tidak kenal dengan alat permainan seperti Doraemon, Pokemon, Super Mario, Sony Play-Station, karaoke, Hello Kitty dan banyak lagi.

Animasi hebat Jepun ini juga memberi ilham kepada negara lain untuk sama hebat dan kreatif dalam bidang berkenaan. Kalau dilihat dari segi ekonomi, tak usah dipertikaikan kerana begitu banyak komik dan majalah Jepun yang diterjemahkan ke bahasa lain dan mendapat sambutan hebat. Contohnya jualan komik Dragon Ball telah terjual sebanyak 5.7 juta naskhah di Jerman semenjak 1997. Pokemon pula adalah salah satu daripada tiga rancangan kanak-kanak yang top di Amerika. Bukan setakat Pokemon sahaja, malah 40% rancangan kanak-kanak Amerika adalah berdasarkan kepada animasi Jepun. Manakala alat permainan dan kartun yang digemari oleh kanak-kanak Amerika atau sering ditonton semuanya adalah dari Jepun.<sup>19</sup>

18 Sakarya Taichi, *op cit*, hlm 61

19 Chiba Hitoshi, Cool Japan, *Look Japan*, May 2003, vol 49, no. 566, hlm. 6-10.

Manakala rancangan-rancangan televisyen Jepun turut mendapat sambutan antaranya ialah rancangan kuiz Kokology yang mana negara-negara seperti Amerika, Perancis dan Italy telah memohon kebenaran hak tayangan di negara mereka. Begitu juga dengan rancangan Iron Chef (Ryori no Tetsujin) turut mendapat sambutan di seluruh dunia malah telah dialihsuara ke pelbagai bahasa. Dengan kata lain Jepun berjaya menjual format atau konsep rancangan televisyen mereka ke negara lain yang kemudian akan mengubahsuainya dengan selera tempatan sebelum disiarkan di negara masing-masing.<sup>20</sup>

Manakala di segi makanan pula, Jepun tidak kurang juga hebatnya yang mana mereka ini ada penggemarnya tersendiri. Di seluruh dunia terdapat cawangan restoran Jepun yang menjual pelbagai makanan Jepun seperti sushi, teppayanki, tempura, sake dan banyak lagi. Ini adalah satu sumber ekonomi Jepun yang amat berjaya kerana ia memberi keuntungan yang memberangsangkan sekaligus memperkenalkan dan memartabatkan seni masakan bangsa Jepun kepada orang luar.

20 Ibid, hlm. 7

Selain itu Jepun juga bertindak sebagai penyumbang ekonomi kepada masyarakat sejagat. Jepun sebagai suatu daya penggerak dalam pembangunan masyarakat perindustrian yang baru dan dalam bidang teknologi serta perindustrian, telah membuka sempadan baru dalam bidang teknologi, dan perindustrian. Jepun juga berperanan memberikan sumbangan secara aktif terhadap pengwujudan suatu order ekonomi antarabangsa yang terbuka dan bebas.

Ini kerana ekonomi Jepun tidak mungkin berkembang tanpa pengembangan perdagangan dunia dan tanpa mengimport tenaga dan bahan mentah yang lebih banyak lagi. Di samping kepentingan Jepun sendiri, ia juga untuk membantu memperbaiki taraf hidup manusia di seluruh dunia dengan membekalkan barang-barang siap dan barang-barang ganti yang bermutu tinggi dan juga melalui pembangunan dan pemindahan teknologi, dan untuk memberi sumbangan kepada pembayaran industri dari segi pengeluaran dan pembekalan.

Syarikat-syarikat perniagaan Jepun turut menghulurkan bantuan ekonomi kepada negara-negara sedang membangun. Pelaburan secara langsung oleh syarikat perniagaan berkenaan secara khususnya akan mewujudkan pekerjaan di seberang laut, pemindahan teknologi, kemahiran dan sumber pengurusan dan peningkatan dalam bidang pertukaran manusia.

Antara syarikat besar Jepun yang mempunyai cawangan di seluruh dunia adalah seperti Sony, Toyota, Honda, Suzuki, Mitsubishi dan banyak lagi. Saling pertukaran yang meluas dan saling pergantungan yang berlaku ini sangat memberi manfaat kepada Jepun dan juga negara yang dibuat pelaburan itu.<sup>21</sup>

### 3 Sosio-Budaya

Dari segi budaya, ia merupakan sebuah negara yang berusaha untuk memperkayakan kehidupan dan kebudayaannya, di samping untuk mengharmonikan dirinya dengan masyarakat antarabangsa dengan menerima ciri-ciri budaya yang berbeza-beza, dan seterusnya menggunakan kekuatan ekonominya untuk menggalakkan pertukaran budaya antarabangsa dan mengadakan pusat untuk menjalankan kegiatan yang seperti itu.

Manakala perhatian yang lebih banyak kepada pertukaran antarabangsa yang berbentuk kebendaan dan kewangan daripada yang berbentuk kemanusiaan dianggap tidak relevan dalam era globalisasi yang hebat diperkatakan kini. Ini kerana langkah yang seperti itu, bagi Jepun merupakan batu penghalang kepada perhubungan antarabangsa yang boleh mencetuskan pergeseran dan pertentangan dengan negara lain.

21. Pusat Kajian Jepun, ISIS Malaysia, (terj.) Normala Soulje Mohamad dan Zahir Ismail, *Jepun dan Asia Timur* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Statistik dan Antarabangsa (ISIS)1993), hlm.45-46.

Oleh sebab itu negara yang mengekalkan perhubungan langsung akan dapat memahami dan menghayati sudut pandangan masing-masing. Atas kesedaran inilah, Jepun kini mengakui ‘saling pergantungan’ dan seterusnya berusaha untuk memahami satu sama lain dengan lebih baik lagi, walaupun masing-masing mempunyai cara hidup dan budaya yang berbeza.

Pendekatan Jepun sebelum ini terhadap pertukaran manusia cenderung untuk menjadi berat sebelah, dengan penuntut dan penyelidik Jepun dihantar ke negara maju untuk membawa balik pengetahuan dan teknologi. Laluan sehala ini sebenarnya tidaklah boleh dianggap pertukaran sama sekali dalam era globalisasi. Oleh sebab itu, Jepun yang menyedari hakikat tersebut mula menjemput orang yang berbakat dari negara maju mahupun dari negara membangun datang menuntut ilmu di Jepun, disamping mereka turut menghantar keluar orang Jepun ke seluruh dunia.

Melalui proses ini Jepun dapat membantu memajukan pemindahan pengetahuan dan teknologi ke seluruh dunia. Dan yang paling penting orang luar dapat memahami cara hidup dan nilai orang Jepun.<sup>22</sup> Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa berbagai aspek budaya Jepun sudahpun diperkenalkan kepada dunia.

22 Sakanya Taichi, *op cit*, hlm 30-33.

Pertukaran budaya ini telah ditumpukan kepada seni halus seperti muzik, seni catan atau bentuk hiburan tradisional seperti Kabuki, Noh dan istiadat minum teh, bidang budaya Jepun yang secara langsung menyentuh hati sanubari bangsa lain. Budaya jenis ini mudah dihayati oleh orang di negara lain, tanpa perlu diberikan apa-apa penjelasan. Walau bagaimanapun tidak memadai dengan sekadar memperkenalkan aspek budaya Jepun yang ini sahaja kepada dunia.

Untuk menggalakkan kesefahaman yang berasaskan kesedaran tentang cara hidup dan nilai orang Jepun, maka penting bagi orang di negara lain mempunyai hubungan secara langsung dengan orang Jepun dalam kehidupan mereka sehari-hari. Oleh sebab itu, peluang diadakan bagi membolehkan perhubungan yang seperti ini terjalin dan dengan demikian memberikan semakin banyak peluang kepada orang asing untuk mengetahui kegiatan ekonomi dan kegiatan seharian orang Jepun.

Pengalaman ini akan merupakan sejenis pertukaran yang baru yang berpusatkan budaya seperti yang digambarkan dalam kehidupan sehari-harian.<sup>23</sup> Untuk membolehkan orang asing mempelajari kehidupan seharian orang Jepun, diwujudkan pelbagai peluang melalui pengajian bahasa Jepun dan cara berfikir yang berkaitan dengannya dan tentang pemikiran dan struktur sosial orang Jepun.

23. *Ibid*, hlm.34

Kemudahan dan bahan mengajar bahasa Jepun dan persatuan Jepun di luar negara diperluas dan dimajukan. Misalnya meningkatkan bilangan pusat bahasa setara dengan keperluan tersebut, usaha sukarela daripada orang Jepun sendiri dalam projek masyarakat. Selain itu kerajaan Jepun menggalakkan lebih banyak lagi anak orang asing yang diterima masuk ke dalam sistem pendidikan Jepun.

Menurut Jaafar Jambi, Guru Bahasa Jepun, Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya, menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Jepun dalam era globalisasi ini sangat relevan kerana teknologi Jepun begitu mempengaruhi masyarakat dunia untuk mempelajari bahasa Jepun. Jika dilihat daripada sektor perindustrian, kita akan dapati di mana-mana negara ada sahaja barang buatan Jepun, malah syarikat mereka juga banyak yang dibuka di serata tempat di dunia seperti syarikat Toyota, Sony, Mitsubishi, Suzuki, Honda dan banyak lagi.

Bagi syarikat-syarikat Jepun yang berada di luar negara akan berasa senang apabila didapati ramai rakyat tempatan yang boleh berbahasa Jepun. Ini menarik minat mereka untuk meningkatkan pelaburan dan membuka cawangan syarikat di negara tersebut. Dengan kata lain, peluang pekerjaan sangat terbuka kepada mereka yang boleh berbahasa Jepun, sekaligus mereka ini dapat mempelajari ilmu dan teknologi Jepun.

Selain itu, meningkatnya jumlah individu yang berminat belajar bahasa Jepun adalah disebabkan oleh dua perkara iaitu, dari segi pekerjaan dan juga dari

segi pendidikan (biasiswa). Faktor pekerjaan seperti yang dijelaskan di atas, manakala dari segi pendidikan pula didapati Jepun sebagai satu-satunya negara yang paling banyak mengeluarkan biasiswa kepada pelajar luar negara. Ini secara tidak langsung menggalakkan penggunaan bahasa Jepun berikutan dengan peraturan yang mewajibkan pelajar yang menyambung pelajaran di Jepun sekurang-kurangnya mempelajari bahasa Jepun secara insentif selama enam bulan.

Menurut beliau lagi, pengaruh globalisasi terhadap bahasa Jepun bukanlah satu perkara baru, malah sistem penulisan Jepun yang ada sekarang adalah bukti berlakunya asimilasi pengaruh luar ke dalam bahasa Jepun. Dalam sistem penulisan Jepun terdapat tiga jenis tulisan iaitu tulisan kanji (tulisan China), Hiragana (tulisan untuk bahasa masyarakat Jepun sendiri) dan Katakana (tulisan untuk bahasa pinjaman yang bermula sejak zaman kesyogunan).

Dan dalam hal ini, masyarakat Jepun sememangnya sangat peka dan suka mencipta istilah bagi perkataan baru yang mereka perolehi dari bahasa asing. Hal yang demikian itu, menunjukkan globalisasi sememangnya memberi pengaruh yang besar kepada kesusasteraan dan penulisan Jepun yang menjadi dasar kepada pendidikan Jepun kini.

Sebenarnya ada pelbagai aspek kebudayaan, kemahiran dalam kehidupan masyarakat Jepun selain bahasa yang sangat menarik oleh masyarakat luar sehingga ada yang ingin mempelajari dan mempraktikkannya di dalam kehidupan mereka pula. Hal ini jelas menunjukkan globalisasi telah memperkenalkan adat kebudayaan Jepun kepada dunia luar dan diterima pakai oleh masyarakat dunia. Aspek-aspek yang dimaksudkan adalah seperti kemahiran gubahan bunga dan kertas.

Gubahan kertas ini dikenali sebagai ‘origami’ (paper of the spirit). Ia merupakan seni rakyat (folk) orang Jepun di mana kertas dilipat ke dalam beberapa bentuk yang menarik sebanyak mungkin. Gubahan-gubahan kertas ini banyak terdapat di dalam kuil Shinto yang merupakan satu penghormatan kepada semangat pokok yang memberikan kehidupan kepada kertas dan kertas origami tidak akan dipotong untuk mengkalkan semangatnya. Selain itu, gubahan bunga dan ikebana juga begitu biasa dikaitkan dengan masyarakat Jepun. Ia asalnya adalah budaya yang datang dari upacara penyembahan bunga kepada Tuhan Shinto dan Buddha. Bagaimanapun ia sebenarnya melambangkan tanda kasih sayang penduduk Jepun kepada alam.<sup>24</sup>

<sup>24</sup> H. Byron Earhart, *Religion In The Japanese Experience:Sources and Interpretation*,(California:Dickenson Publishing Co ,1974), him 7-8

Kebudayaan masakan Jepun juga berlainan sedikit berbanding dengan masakan negara Asia yang lain. Ini kerana tidak ada negara di dunia yang suka meniru atau mengadaptasi cara memasak dari negara luar sebagaimana kesungguhan orang Jepun. Orang Jepun kemungkinan mempunyai koleksi produk makanan yang besar di dapur mereka berbanding masyarakat lain di dunia. Ini kerana budaya menyediakan makanan Jepun mempunyai 3 cara masakan: cara asli orang Jepun, Barat dan China. Dan adalah satu perkara biasa bagi ketiga-tiga jenis masakan tersebut dimasak di dapur yang sama pada setiap hari.

Pada masa sebelum pemerintahan Meiji (1868-1912), masakan tradisi Jepun jarang ada daging atau menggunakan minyak atau lemak. Tetapi apabila negara Jepun mula kembali berhubung dengan dunia luar, pengaruh masakan Barat masuk dan diubah menjadi masakan Jepun dengan cara tersendiri. Menariknya pengaruh masakan Barat mahupun China telah digunakan mengikut cara Jepun dan sangat berbeza cara penyediaannya dari tempat asal masakan tersebut. Ada di antara masakan Barat yang diperkenalkan selepas Perang Dunia Kedua dan diubahsuai menjadi masakan mengikut citarasa Jepun. Misalannya nasi dan kari, spaghetti, ramen (mee China) dan masakan China dengan segala ramuan bahan tumbuhan yang diadaptasi menjadi masakan baru Jepun, dipasarkan dan popular di seluruh dunia.<sup>25</sup>

<sup>25</sup> *Look Japan*, op cit, hlm 8.

Selain itu, Jepun juga terkenal dengan landskap yang berkonseptan rumah di dalam taman yang memiliki kolam. Ini menunjukkan orang Jepun mempunyai penghayatan yang mendalam terhadap alam sekitar. Sikap dan pandangan semesta kehidupan orang Jepun ini sangat mengagumkan masyarakat luar. Oleh sebab itu tidak hairanlah di mana-mana juga tempat di dunia ini akan kita dapati landskap bangunan atau rumah berkonseptan senibina Jepun.

Selain itu, penghayatan atau penghormatan yang begitu tinggi oleh orang Jepun terhadap alam sekitar diperlihatkan dalam lukisan mereka. Tradisi dan kepercayaan (kami) dan zen melahirkan lukisan yang amat bermakna dalam penghargaan terhadap alam yang dinilai dari sudut teori lukisan oleh pelukis Jepun yang terkenal iaitu Mitsuoki. Menurut beliau sesuatu seni itu miskin bila ia merupakan salinan buruk tentang alam dan kaya apabila ia merupakan alam yang baik. Untuk lebih berjaya adalah '*divine works*', seni mestilah mendapat semangat atau pergerakan kehidupan. Pelukis perlu mendapat skil lukisan itu dari syurga iaitu perlu hidup dalam rentetan alam, jadi dia dapat melahirkan semangat yang sama dalam lukisannya.<sup>26</sup>

---

26. *Ibid*, hlm. 8.

Manakala kesenian mempertahankan diri seperti kendo, judo, iebana dan taek kwan do pula sudah sinonim dengan masyarakat Jepun. Sekolah-sekolah mempertahankan diri tumbuh bagaikan cendawan di seluruh dunia sama ada di Timur mahupun di Barat. Setiap kesenian mempertahankan diri ini mempunyai peminatnya tersendiri termasuklah Presiden Perancis Jacques Chirac yang begitu menggemari sukan sumo. Manakala aspek-aspek kesenian lain seperti drama Kabuki, Bunraku dan Noh juga mula mendapat tempat di hati peminat di seluruh dunia. Bukan itu sahaja malah kesenian filem animasi mahupun filem Jepun mula diadaptasi atau dialihsuarkan ke bahasa lain.

Misalannya filem Seven Samurai hasil karya Jepun telah diadaptasi oleh Hollywood dengan menerbitkan semula dalam bentuk versi Barat, bertajuk *The Magnificent Seven*. Malah di Malaysia sendiri, lambakan filem-filem atau CD Jepun begitu tinggi sekali di pasaran Malaysia kerana permintaan daripada masyarakat tempatan.

#### 4 Ilmu Pengetahuan dan Teknologi

Pengglobalisasian pengetahuan sains dan teknologi antarabangsa telah banyak diperluaskan oleh kemajuan selepas perang dalam bidang komunikasi dan pendidikan yang berlaku dalam sistem ekonomi dunia yang stabil. Sebagai sebuah negara kecil yang ingin berdiri sama tinggi dengan Eropah, Jepun telah mengimport sains dan teknologi dengan banyaknya. Dengan memperbaiki dan mengubahsuaikan teknologi yang diimport itu, Jepun mampu membina tapak bagi

membangunkan industri saingen yang seterusnya membantunya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat. Orang Jepun yang telah mengaut ilmu dan membawa balik teknologi ke Jepun ini menjadi orang yang sangat penting dalam usaha mencipta sains dan teknologi tinggi Jepun.

Sains dan teknologi Jepun kini sudah setanding dengan yang di Eropah dan Amerika Syarikat (AS), maka Jepun sudah boleh memainkan peranan yang lebih daripada sebagai penerima tetapi sebagai penyebar sains dan teknologi di seluruh dunia.<sup>27</sup> Kepantasan mempelajari dan memiliki teknologi itu ada kaitannya dengan sifat orang Jepun itu sendiri yang mempunyai perasaan semulajadi cintakan teknologi. Bermula sekitar 1970an, Jepun membuat langkah besar dalam dunia teknologi. Barang berlabel ‘*Made in Japan*’ dijual di seluruh dunia, menyumbang kepada perkembangan negaranya. Orang Jepun mempunyai hubungan luar biasa dengan teknologi sehingga robot yang dihasilkan diberi nama sebagaimana manusia.

Tahun lalu sahaja, Jepun meraikan berita yang menggemberikan di bidang sains dan teknologi yang mana dua orang saintis Jepun telah dipilih untuk menerima Hadiah Nobel. Mereka adalah Masatoshi Koshiba yang memenangi hadiah dalam kategori Fizik. Koichi Tanaka pula memenangi Hadiah Nobel dalam bidang Kimia.

<sup>27</sup> Shin'ichi Okada, "Science and Technology, *Asia Pacific : Japan Perspectives*, May 2003, vol. 1, no. 1, hlm. 14-15.

Rancangan Dasar Sains dan Teknologi Jepun juga telah menggariskan polisi ke arah mempromosi sains dan teknologi yang diumumkan dalam tahun 2001, iaitu meletakkan matlamat untuk menerima 30 Hadiah Nobel untuk tempoh 50 tahun akan datang. Dari segi penerimaan jumlah Hadiah Nobel yang diterima, Jepun menduduki tangga ke-3 bersama-sama Jerman selepas AS dan United Kingdom. Dengan Hadiah Nobel yang diterima ini menunjukkan pada masyarakat Jepun sendiri dan juga dunia akan kekuatan sains dan teknologi Jepun.<sup>28</sup>

Sementara itu, dalam usaha memajukan dan memperkembangkan kegiatan penyelidikan mendesak Jepun membuka sempadan baru dalam sains dan teknologinya. Dengan demikian, Jepun menjadi pusat yang terkemuka bagi pertukaran penyelidikan antarabangsa. Bukan sahaja mencambah teknologi masa depan tetapi juga untuk berkongsi hasil penyelidikannya dengan negara lain di dunia. Jepun juga kini berusaha menjadi pusat bagi pertukaran penyelidik antarabangsa dan seterusnya berusaha menyelia penyebaran hasil penyelidikan ini ke negara lain di dunia.

28. *Ibid*, hlm. 15

Dimensi pertukaran manusia, khususnya pertukaran penyelidik dan ahli teknologi menjadi sebahagian daripada perkembangan teknologi baru dan penyebarannya di seluruh dunia. Jika Jepun berjaya dalam menggalakkan pertukaran manusia yang amat diperlukan ini, maka Jepun dapat memainkan peranan memajukan industri ini di seluruh dunia sambil mengurangkan ancaman langkah perlindungan terhadap industri teknologi tinggi.

Dengan kata lain, sebagai sebahagian daripada peranannya yang diperluaskan selaku anggota komuniti sejagat, Jepun amat berusaha untuk menggalakkan pertukaran manusia, sains dan teknologi di seluruh dunia. Pertukaran berlaku pada berbagai-bagai peringkat, pertukaran penuntut, pendidik, penyelidik, ahli teknologi dan ahli perniagaan merupakan suatu langkah yang panjang menuju ke arah mewujudkan semangat saling persefahaman antarabangsa. (**Rajah B**) Jepun juga memainkan peranannya secara aktif dalam memupuk kerjasama antarabangsa dalam projek penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di samping membuka institut penyelidikannya, seperti Tsukuba kepada para penyelidik di seluruh dunia.

Selain itu, Jepun juga turut mengambil bahagian dalam organisasi antarabangsa seperti Bangsa-Bangsa Bersatu dan organisasi yang berkaitan seperti Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa. Dengan mengambil bahagian dengan menghantar orang Jepun yang berkebolehan untuk turut serta dalam

projek penyelidikan bersama, dalam persidangan akademik antarabangsa atau dalam jawatankuasa ahli perniagaan di seluruh dunia.

Antara projek yang dilaksanakan adalah bantuan Jepun menerusi ODA kepada gabungan 12 buah negara di Asia Timur (Cambodia, China, Indonesia, Japan, Laos, Korea Selatan, Malaysia, Mongolia, Filipina, Rusia, Thailand dan Vietnam) yang bekerjasama menukuhan rangkaian pemantauan iaitu *The Acid Deposition Monitoring Network in East Asia* (EANET). Kesemua negara ini menghadapi masalah hujan asid akibat pembangunan yang pesat dan pencemaran yang berlaku dari kilang-kilang.

Menerusi usahama ini, Jepun telah memindahkan teknologinya untuk digunakan bagi kerja-kerja pemantauan bagi mengenalpasti masalah atau punca berlakunya hujan asid dan cara penyelesaian untuk mengurangkannya.<sup>29</sup> Selain itu, Jepun juga sangat mengambil berat akan masalah alam sekitar dan penipisan ozon yang sangat membimbangkan banyak negara di dunia. Jepun dengan bantuan menerusi ODA telah membelanjakan sejumlah wang untuk disalurkan bagi tujuan kajian dan penyelidikan di seluruh dunia.

<sup>29</sup> Shim'ichi Okada, Toward a Greener Future, *Asia Pacific : Japan Perspectives*, May 2003, vol 1 no 1, hlm 26-27.

Buktinya, Jepun mula terlibat secara serius dalam projek pemuliharaan alam sekitar ini adalah pada tahun 1989 dan telah berjaya merancang untuk memberi bantuan sebanyak 300 billion yen dalam tempoh tiga tahun untuk kerja-kerja berkenaan namun, Jepun telah berjaya melakukannya dalam tempoh dua tahun sahaja.<sup>30</sup>

Dari segi sains dan teknologi, Jepun sememangnya sangat berpengaruh sama ada dari segi bantuan kewangan mahupun dari segi kepakarannya. Ini dapat dilihat menerusi masalah mendapatkan air bersih di seluruh dunia yang mana Jepun menerusi program Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) telah membantu menyediakan pelbagai kemudahan termasuk mengali perigi, pembuangan kumbahan yang lebih teratur dan membuat tali air atau sistem pengairan yang boleh membantu penduduk mendapatkan air bersih.

Bantuan Jepun dalam projek ini secara keseluruhannya adalah 650 billion yen (US\$5.7 billion) bagi tempoh tiga tahun iaitu tahun 1999 sehingga 2001). Ini menjadikan Jepun sebagai penyumbang utama berbanding negara-negara lain dan Jepun sememangnya sangat mengambil berat akan masalah air dan kebersihan dan menganggapnya sebagai isu yang perlu diutamakan dalam kerjasama di peringkat antarabangsa.

<sup>30</sup> Ibid,lim 26-27

Dalam hal demikian, terbukti pertukaran dua hala yang seimbang dalam meningkatkan interaksi sehari-hari, serta mengeratkan persefahaman dua hala bagi sesebuah negara dengan negara yang lain atau antara bangsa sangat penting bagi memperolehi kesejahteraan dan manfaat kepada semua pihak. Oleh itu, Jepun berpendapat adalah sangat penting bagi mereka menjadikan diri mereka tempat pertukarana manusia, sains dan teknologi serta pendidikan.

Oleh sebab itulah, Jepun menyediakan pelbagai kemudahan pendidikan termasuklah sistem penerimaan pelajar dan pelatih asing menerusi langkah penubuhan rancangan pertukaran kajian/tenaga manusia serta sistem latihan untuk jurutera dari negara sedang membangun dengan diberi peluang menggunakan kemudahan penyelidikan negara mereka.